



Penemuan Artifak di Kota Raja Mahadi

Klang, 25 Julai 2019 – Ketika kerja-kerja kajian arkeologi dilaksanakan oleh syarikat CGB Consultants, pakar runding warisan projek LRT3, beberapa artifak silam telah ditemui.

Artifak-artifak berkenaan terdiri daripada beberapa keping serpihan seramik China dan sebutir peluru meriam lela yang diperbuat daripada batu.

Kajian awal mendapati serpihan seramik China berkenaan adalah terdiri daripada pinggan serta mangkuk yang biasa digunakan pada abad ke-19. Ada kemungkinan seramik ini tiada kaitan dengan Kota Raja Mahadi kerana tanah di mana seramik ini ditemui adalah tanah tambak dan bukan tanah asal Bukit Kota.

Berukuran 10 x 40 x 38 sm, peluru meriam lela yang ditemui dipercayai digunakan ketika Perang Klang. Lokasi penemuannya adalah di antara Sungai Klang dengan Kota Raja Mahadi. Ia merupakan salah satu jenis peluru meriam yang digunakan di samping peluru logam dan peluru campuran besi-kaca-paku.

Kesemua artifak ini kini berada dalam simpanan dan kajian Jabatan Warisan Negara Malaysia.



Menarik di dalam

Jemaah Pangkuan Selangor

Istiadat Bersiram Tabal

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh:
Pusat Sumber / E-Library MPK,
Bangunan Pejabat Cawangan MPK,
Jalan Tengku Kelana, 41200 Klang.
Kurator: +603 33758088
Pusat Sumber: +603 33758006

Sidang Redaksi

Penaung

YBrs. Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin

Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Pengarang / Editor / Penyelidik

Faisal bin Dato' Haji Surani

Reka Bentuk Grafik & Kreatif


Mazlan bin Yahya
Mohd Shahril bin Sanip

Air Pasang Besar di Kuala Klang



Pada bulan Oktober 1909 telah berlaku fenomena air pasang besar luar biasa di pantai Selangor. Di Port Swettenham (Pelabuhan Klang), air pasang ini telah melimpahi ban sedia ada sehingga mengakibatkan bandar berkenaan ditenggelami air sedalam 3-4 kaki.

Peristiwa banjir ini adalah yang pertama kali berlaku di Port Swettenham sejak dibuka pada tahun 1901.



Air pasang besar biasanya berlaku sewaktu bulan penuh atau anak bulan. Apabila kedudukan matahari, bumi dan bulan dalam keadaan selari, fenomena air pasang besar akan terjadi.

Banjir pula hanya berlaku apabila air pasang besar disertai dengan angin kuat dan hujan lebat.



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Di Malaysia konsep Bandar Sejahtera telah diperkenalkan sewaktu Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2013 di Kuala Lumpur yang bertemakan "Ke Arah Bandar Sejahtera Masa Depan". Tema ini membawa maksud keseimbangan di dalam usaha kerajaan mencapai status negara maju berpendapatan tinggi, komuniti sejahtera dan masyarakat penyayang.

Ia adalah lanjutan daripada resolusi yang dicapai semasa persidangan 'The United Nations Conference on Sustainable Development Rio+20' yang diadakan di Rio de Janeiro, Brazil pada 20 hingga 22 Jun 2012 dengan tema 'The Future We Want'.

Kerangka Bandar Sejahtera Masa Depan Malaysia merangkumi proses perancangan pembangunan dengan matlamat mencapai pembangunan mampan secara holistik serta berpaksikan kepada pengintegrasian 3 aspek utama iaitu sistem sosial yang inklusif, ekonomi yang produktif dan persekitaran bandar hijau.

Kejayaan bandar sejahtera masa depan amatlah bergantung kepada penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak. Mekanisme pelaksanaan bandar sejahtera masa depan akan melibatkan sekurang-kurangnya tiga pihak iaitu kerajaan, agensi kerajaan dan agensi-agensinya.

Inilah cabaran yang perlu kita harungi bersama untuk menjayakan Gagasan Klang Sejahtera.

Kepada para Muslimin dan Muslimat, Sidang Redaksi Warta Warisan MPK mengucapkan Salam Aidiladha.

*Faisal bin Dato' Haji Surani
Kurator*



Towards Sustainable Future Cities
Ke arah Bandar Sejahtera Masa Depan

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2013
The celebration of World Town Planning Day
12 November @ Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur

Disampaikan Oleh:
YB Dato' Abdul Rahaman Dahlan
Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Minister of Urban Welling, Housing and Local Government

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN BACA SEMERANGKING MALAYSIA
Federal Department of Town and Country Planning, Putrajaya, Malaysia

<http://www.tampin.gov.my>
<http://www.facebook.com/TanajaPerancangMalaysia>

Pelajar Universiti Malaysia Sarawak Laport Diri Latihan Praktikal

Klang, 27 Julai 2021 – Seorang pelajar berasal dari Rantau Panjang, Klang telah melapor diri untuk latihan praktikal di Jabatan Komunikasi dan Korporat.

Rashidah Suria binti Radiman merupakan seorang mahasiswi bidang antropologi dan sosiologi dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Beliau diletakkan di bawah seliaan Encik Faisal Surani, Kurator MPK dan akan membantu tugas-tugas Kurator di samping akan dibimbing oleh Encik Faisal dalam bidang berkaitan sejarah dan warisan Klang.

Rashidah akan menjalani latihan praktikal di Pusat Sumber MPK selama 3 bulan bermula 26 Julai sehingga 4 Oktober 2021.



Encik Faisal sedang memberi taklimat ringkas tentang tugas kepada Cik Rashidah

Dari Akhbar Silam



Foto hiasan

Another ghastly crocodile incident is reported from Klang. A Malay tongkang was moored between two of the jetties last Friday morning, and a woman on deck was lying with her legs over the side of the tongkang. A crocodile sprang up, seized her, dragged her over and she was seen no more.

Petikan akhbar:

The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (Weekly), 25 Mei 1897, halaman 5

Sungai Klang memang terkenal dengan kisah buayanya sejak berzaman dahulu. Peristiwa seekor buaya mengganas yang berlaku di Pengkalan Batu Klang pada hari Khamis, 19 Mei 1897 telah diterbitkan oleh sebuah akhbar mingguan berbahasa Inggeris.

Mesyuarat Jemaah Pangkuan Negara Negeri Selangor 1956 (Dewan Diraja)



Mesyuarat Jemaah Pangkuan Negara Selangor telah diadakan di Istana Raja Muda Selangor yang terletak di Jalan Hose, Kuala Lumpur pada tahun 1956.

Ketika itu Tengku Abdul Aziz Shah adalah Raja Muda Selangor dan baginda telah dilantik oleh ayahanda baginda Sultan Hisamuddin Alam Shah sebagai Ketua Kerabat-kerabat Diraja dan Orang-orang Besar Selangor.

Mulai tahun 1959, Jemaah Pangkuan Negara dikenali sebagai Dewan Diraja Negeri Selangor.

(Foto koleksi peribadi Faisal Surani)


Klang Tempoh Dulu

Kutub Khanah Kurator: Istiadat Bersiram Tabal 1903



Foto di atas menunjukkan Istiadat Bersiram Tabal DYMM Sultan Ala'eddin Suleiman Shah dan Tengku Ampuan Mahrum di perkarangan Istana Mahkota Puri yang berlangsung pada hari Khamis 22 Oktober 1903. Inilah satu-satunya foto Tengku Ampuan Mahrum yang diketahui. Foto koleksi peribadi Faisal Surani. Salah satu foto yang terdapat dalam Pangkalan Data Sejarah dan Warisan di Pusat Sumber MPK.

Monumen Warisan Klang: Bangunan Asal Bank Chartered Klang



Ini adalah bangunan sebenar Bank Chatered Klang yang dibina pada tahun 1878. Terletak di Jalan Lintang, ia merupakan bangunan kedua bagi bank berkenaan di Klang sebelum berpindah ke bangunan Gedung Sutera Chennai. Bangunan ini dikenali sebagai Istana Bank apabila didiami oleh Tengku Ampuan Mahrum dan anakandanya Sultan Musa'eddin. Foto koleksi peribadi Faisal Surani

